

# UMS-KAL tuan rumah Mesyuarat Majlis Penasihat Undang-Undang IPTA

MB 05/02/2012 Ab

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) buat pertama kalinya telah terpilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Majlis Penasihat Undang-Undang Institusi Pengajian Tinggi Awam (MPUU) Bil. 1/2012.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Penasihat Undang-Undang Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Azhar Mohamed itu diadakan di Bilik Mesyuarat Seminar, UMS-KAL, Jumaat lalu.

Turut hadir Ketua Bahagian Perundangan dan

Tatatertib UMS, Awang Suhaizam Bungso.

Bahagian Perundangan dan Tatatertib, Jabatan Pendaftar UMS dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran UMS-KAL merupakan tuan rumah dan urusetia mesyuarat yang pertama pada tahun ini.

Azhar berkata, seramai 29 ahli daripada 64 ahli yang terdiri daripada pegawai dan Penasihat Undang-Undang yang mewakili 20 IPTA Malaysia telah menghadiri mesyuarat berkenaan.

Katanya, MPUU yang ditubuhkan pada



**AZHAR (lima dari kiri) dan Awang Suhaizam (dua kanan) bersama ahli Majlis Penasihat Undang-Undang IPTA Malaysia selepas mengadakan mesyuarat di UMS-KAL, Jumaat lalu.**

Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor IPTA Bil 1/2005 menjadi badan rujukan mengenai hal-hal undang-undang di IPTA.

“Visi MPUU ialah untuk menjadi satu badan pakar rujuk perundangan di semua IPTA Malaysia untuk membantu pelajar, kakitangan dan universiti keseluruhannya dalam hal-hal perundangan,” katanya.

Beliau berkata, MPUU diwujudkan supaya hal-hal perundangan dapat diselesaikan secara kolektif dan mengikut amalan yang terbaik.

Tambahnya, MPUU telah banyak membantu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam merangka pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), perlembagaan IPTA dan perundangan subsidiari IPTA Malaysia.

Menurut Azhar, Ketua Penasihat Undang-Undang KPT merupakan Ex-Officio MPUU.

Jelasnya, MPUU merancang menjadi sumber rujukan perundangan IPTA dalam kalangan pelajar, kakitangan dan tadbir urus universiti.